



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA



TEKS UCAPAN

**YB LOKE SIEW FOOK
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**

Sempena:

**MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA ANGGOTA
PENGUATKUASA JPJ MALAYSIA**

**Di:
STESEN PENGUATKUASA SEMENYIH**

**10 MAC 2025 (ISNIN)
6.45 PETANG**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis.

[RUJUK SALUTASI TERKINI]

YB Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah
Timbalan Menteri Pengangkutan Malaysia

YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan
Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia

YBhg. Datuk Aedy Fadly bin Ramli
Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan Malaysia

YBrs. Tuan Muhammad Kifli bin Ma Hassan
Pengarah Kanan Penguatkuasa JPJ Malaysia

Kakitangan & Anggota Penguatkuasa JPJ Malaysia

Tuan-Tuan/ Puan-Puan Sekalian

Selamat Sejahtera dan Salam Malaysia Madani,

1. Pada hari ini saya rasa begitu bersyukur, kerana kita dapat bersua dalam sebuah majlis yang sangat bermakna iaitu Majlis Berbuka Puasa Bersama Anggota Penguatkuasa JPJ Malaysia.

2. Saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia atas penganjuran program pada hari ini, dan mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada semua anggota penguatkuasa JPJ yang sentiasa berdedikasi dalam menjalankan tugas.
3. Penguatkuasaan undang-undang di jalan raya adalah salah satu usaha penting dalam memastikan keselamatan awam, dan kita semua memainkan peranan yang amat besar dalam memastikan keselamatan dan ketenteraman di jalan raya.
4. Kejayaan Operasi-Operasi Khas JPJ seperti Ops Gempur Teknikal, Ops PUSPAKOM, Ops JPJ Bersama KPDN telah membuktikan bahawa anggota penguatkuasa JPJ bukan sahaja berkomited dalam menjalankan tugas mereka, tetapi juga mampu menjalankan operasi yang kompleks dan berisiko tinggi dengan cemerlang.

5. Bukan itu sahaja, kejayaan Operasi Khas Tahun Baru Cina Tahun 2025 telah membuktikan kita dapat menurunkan kadar kemalangan jalan raya dengan strategi penguatkuasaan semasa musim perayaan iaitu sebanyak 10 peratus berbanding jumlah kemalangan pada tahun 2024 sebanyak 8,784.

TAHUN	2024	2025	PENURUNAN
Kemalangan	8,784	7,882	10% (902)
Kemalangan Maut	109	64	41% (45)
Kematian	117	66	44% (51)

Statistik Kemalangan Jalan Raya Op Selamat 23 Tahun Baru Cina 2025

6. Malah baru-baru ini, YAB Perdana Menteri dalam ucapannya semasa Perjumpaan Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri pada 3 Mac 2025 menyatakan bahawa peningkatan prestasi badan-badan penguatkuasaan yang kini lebih mantap dan termasuklah JPJ yang telah disebut oleh beliau.

7. Saya pasti, terdapat beberapa ruang untuk penambahbaikan yang boleh dilaksanakan pada tahun ini bagi terus meningkatkan kesiapsiagaan penguatkuasaan JPJ terutamanya dalam aspek peralatan penguatkuasaan, kebajikan anggota penguatkuasa dan beberapa aspek lain yang perlu di tambah baik.
8. Saya tahu tuan-tuan dan puan-puan menghadapi pelbagai cabaran terutamanya ketika berada di lapangan dan saya berharap anggota penguatkuasa JPJ akan terus gigih dalam menjalankan tanggungjawab dan amanah yang besar.
9. Saya yakin, dengan komitmen dan kerjasama semua pihak, dibawah pimpinan Datuk Ketua Pengarah JPJ, kita dapat mencapai matlamat untuk memastikan keselamatan jalan raya dan peningkatan tahap pematuhan undang-undang.

10. Saya bersama kepimpinan Pengurusan Tertinggi MOT akan terus memberi sokongan kepada setiap usaha yang dilakukan oleh pihak JPJ dalam menambahbaik keselamatan jalan raya, terutamanya dalam aspek penguatkuasaan.
11. Akhir kata, saya ingin mengucapkan selamat berbuka puasa kepada semua yang hadir. Semoga majlis ini membawa keberkatan kepada kita semua.
12. Sekian, terima kasih.